

14/08/2002

MCA bincang pelantikan ahli lembaga disiplin baru

KUALA LUMPUR, Selasa - Ahli Lembaga Disiplin MCA, yang tempoh jawatan sudah tamat harus menghentikan semua tugas mereka sementara menunggu pelantikan baru dilakukan, kata Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau berkata, pada kebiasaannya, jawatan ahli Lembaga Disiplin akan tamat tempohnya selepas perhimpunan agung diadakan setiap tahun.

"Selepas perhimpunan agung diadakan, kita akan tunggu sama ada ada pelantikan semula atau orang baru dilantik bagi mengisi kekosongan itu.

"Disebabkan saya sibuk dengan tugas persiapan untuk perasmian Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar), jadi saya belum ada masa untuk membincangkan perkara itu," katanya kepada wartawan selepas Utar dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Utama, Kolej Tunku Abdul Rahman di sini, hari ini.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, MCA akan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC) untuk membincangkan pelantikan ahli Lembaga Disiplin.

Antara jawatan lain yang memerlukan pelantikan ialah Setiausaha Agung, Bendahari Agung, Setiausaha Pengelola, Pengerusi MCA negeri dan semua ketua biro.

Mengikut Perkara 123 perlembagaan, Lembaga Disiplin yang terdiri daripada lima ahli harus dilantik oleh CC MCA untuk menasihati Majlis Presiden mengenai perkara berkaitan disiplin dalam parti.

Pengerusi Lembaga Disiplin MCA, Datuk Lim Ah Lek dilaporkan hari ini sebagai berkata, lembaga itu menangguhkan siasatan mengenai kes tampar pada Perhimpunan Agung Wanita MCA 28 Jun lalu yang sepatutnya diadakan hari ini.

Beliau berkata, siasatan itu terpaksa ditangguhkan berikutan satu notis dikeluarkan Naib Presiden MCA yang juga seorang daripada ahli Lembaga Disiplin, Datuk Dr Fong Chan Onn untuk memaklumkan tempoh mereka tamat selepas Perhimpunan Agung parti itu 27 Jun lalu.

Selain Lim dan Fong, tiga lagi ahli Lembaga Disiplin MCA ialah Naib Presiden, Datuk Chua Jui Meng, Ketua Pemuda dan Wanita MCA, Datuk Ong Tee Keat serta Datuk Dr Ng Yen Yen.

Sementara itu, Lim ketika ditemui selepas upacara perasmian Utar berkata, beliau akan berbincang dengan Dr Ling mengenai perkara itu secepat mungkin.